

Persepsi dan Tahap Pengetahuan Peserta Dan Agen Takaful Terhadap Pelaksanaan Zakat Takaful: Kajian Di Shah Alam, Selangor

Perceptions and Knowledge Levels of Takaful Participants and Agencies towards Implementation of Takaful Zakat: A Study In Shah Alam, Selangor

Nur Amirah Jaafar, Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor*

Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

**Corresponding author: hairun@ukm.edu.my*

Article history

Received: 2019-01-06 Received in revised form: 2019-03-21 Accepted: 2019-07-07 Published online: 2019-10-07

Abstract

When it comes to zakat obligations, people only know certain types of zakat that are obligated to be issued. There are two types of zakat; zakat fitrah and zakat property. However, zakat's division may vary according to the state's fatwa. In Selangor, Lembaga Zakat Selangor (LZS) is the body that governs the administration and implementation of Zakat. The breakdown of zakat property is Zakat on Income, Zakat on Business, Zakat on Savings, Zakat on Gold and Silver, Zakat on Investments and Shares, Zakat on KWSP, Zakat on Paddy, Zakat on Agriculture, Zakat on Wealth and Treasure, and the Zakat on Takaful. However, this study will only focus on Zakat Takaful. Under Zakat Takaful, there are several divisions which are Zakat Wang Takaful/Takaful Investment, Zakat on Maturity Policy, Takaful Compensation, Tabarruq Fund, Benefit of Total and Permanent Disability, and Compensation of Conventional Insurance Policy. Each of these sections has its calculation method which will be explained further. This study was conducted to identify the level of knowledge and acceptance of Takaful Muslim consumers on the implementation of Zakat Takaful that has been introduced by LZS. Besides, this study will also look at the knowledge of Takaful agents and their willingness to disseminate information of Zakat Takaful to their customers. This study was conducted by using the sampling method and descriptive data analysis. The study found that on average, respondents' knowledge on Zakat Takaful is low with a mean of 2.32. However, the mean for acceptance is 3.93 which is set at a high level thus showed a good acceptance of the survey respondents. Through this study, it can be concluded that knowledge and acceptance are both very important in achieving the objective of implementing Zakat Takaful. Knowledge by Takaful participants who are also assisted by agents who play the role of conveying knowledge of Zakat Takaful is directly perceived to have a more effective effect in addition to the behavior/attitude that forms the intention of Takaful participants to accept the implementation and to pay Zakah Takaful. This study is also expected to be the push factor among the zakat agents to play a role in disseminating the right information about Zakat Takaful to their customers, which also can be regarded as one of the da'wah forms.

Keywords: Perceptions, Takaful participants and Agencies, Takaful participants, Zakat Takaful, Lembaga Zakat Selangor

Abstrak

Menyentuh akan kewajipan zakat, umum hanya mengetahui sebilangan sahaja jenis zakat yang perlu dikeluarkan. Secara ringkas, zakat terbahagi kepada dua yakni zakat fitrah dan zakat harta. Bagi setiap negeri, pecahan zakat harta mungkin berlainan mengikut fatwa negeri masing-masing. Bagi negeri Selangor, badan pentadbiran dan pelaksanaan zakat adalah Lembaga Zakat Selangor (LZS). Di Selangor, pecahan zakat harta ini terbahagi kepada Zakat Pendapatan, Zakat Perniagaan, Zakat Wang Simpanan, Zakat Emas dan Perak, Zakat Pelaburan dan Saham, Zakat KWSP, Zakat Tanaman Padi, Zakat Penternakan, Zakat Harta Galian dan Harta Karun serta Zakat Takaful. Namun begitu, kajian ini akan mengfokuskan pada kajian tentang Zakat Takaful sahaja.

Di bawah Zakat Takaful, terdapat beberapa bahagian iaitu Zakat Wang Simpanan / Pelaburan Takaful, Zakat ke atas Polisi yang Matang, Pampasan Takaful, Wang Pulangan Tunai Dana Tabarruq, Manfaat Keilatan Kekal dan Menyeluruh, serta Pampasan Polisi Insurans Konvensional. Setiap bahagian ini mempunyai kaedah taksirannya tersendiri yang mana akan dijelaskan dengan lebih lanjut. Kajian ini dijalankan bertujuan mengenalpasti tingkat pengetahuan dan penerimaan pengguna Takaful beragama Islam akan pelaksanaan Zakat Takaful yang diperkenalkan oleh LZS. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat akan pengetahuan agen-agen Takaful dan kerelaan mereka dalam menyebarkan maklumat tentang Zakat Takaful pada pelanggan mereka. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kaedah pensampelan dan analisis data secara diskriptif. Kajian mendapati secara purata, pengetahuan responden akan Zakat Takaful adalah rendah dengan min dicatatkan 2.32. Namun begitu, purata min bagi penerimaan mencatatkan 3.93 iaitu pada tahap persetujuan yang tinggi menunjukkan penerimaan yang baik daripada responden kajian. Menerusi kajian ini, dapat disimpulkan bahawa pengetahuan dan penerimaan kedua-duanya sangat penting dalam mencapai objektif pelaksanaan Zakat Takaful. Pengetahuan oleh pengguna Takaful yang turut sama dibantu oleh agen yang memainkan peranan menyampaikan pengetahuan Zakat Takaful secara langsung dilihat mampu memberi kesan yang lebih efektif di samping gelagat/sikap yang membentuk niat pengguna Takaful untuk menerima dan membayar Zakat Takaful. Kajian ini juga diharapkan dapat membuka mata para agen untuk turut mengetahui dengan lebih jelas akan pelaksanaan zakat terhadap produk Takaful dan memainkan peranan dalam menyebarkan maklumat yang efektif kepada pelanggan Takaful beragama Islam yang mana ia juga boleh dikira sebagai salah satu bentuk dakwah.

Kata Kunci: Persepsi, Agen dan peserta Takaful, Zakat Takaful, Lembaga Zakat Selangor

1.0 PENGENALAN

Pada era globalisasi kini, pelbagai produk Islamik telah dibangunkan bagi memenuhi perubahan keperluan manusia kini. Salah satu produk yang tidak asing lagi dikalangan masyarakat kini adalah produk insurans yang pada mulanya hanya terdiri daripada produk konvensional. Namun selaras dengan pembangunan aspek Islamik dan keperluan Muslim yang mahukan produk patuh syariah yakni alternatif kepada produk konvensional dan juga pelengkap kepada pengurusan perbankan Islam, suatu produk insurans yang berkonsepkan *Tabarruq* telah diperkenalkan iaitu produk Insurans Takaful. Akta Takaful 1984 merupakan akta pertama yang dirangka sebagai garis panduan bagi menjalankan perniagaan Takaful dan lain-lain tujuan berkaitan Takaful (Ahmad et. al, 2012). Persediaan menghadapi risiko perkara-perkara yang tidak diingini seperti kematian dan hilang upaya kekal adalah antara faktor utama mengapa industri insurans dan takaful dibangunkan.

Sebagai sebuah negara yang membangun, keperluan peningkatan tabungan adalah salah satu pra-syarat untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih dinamik (Mohamed et. al, 2001). Ahmad (2009), dalam kajiannya mengatakan keperluan menyimpan dan mengumpul harta ini adalah wajar sebagai persediaan bagi menghadapi kecemasan atau hari-hari malang. Beliau mengambil contoh kisah Nabi Yusuf AS semasa baginda menjadi Menteri kewangan Mesir seperti yang disebut dalam surah Yusuf, ayat 47 hingga 49 yang bermaksud;

Yusuf menjawab: "Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tabun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan" (47)

"Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tabun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih)" (48)

"Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)" (49)

Menurut Tafsir Surah Yusuf dan Juzuk 12 oleh Hamka (2019), menafsir surah Yusuf ayat 47-49 yang menerangkan Nabi Yusuf AS menafsir mimpi Raja Mesir ketika itu yakni Mesir akan mengalami tujuh tahun lamanya tahun yang baik dan subur, hujan yang banyak dan air Sungai Nil di Mesir akan melimpah dan menyuburkan tanah. Akan tetapi, kesuburan tanah itu perlu diiringi usaha yang kuat agar mendapat hasil yang banyak. Semasa musim menuai tanaman, Nabi Yusuf AS telah memesan agar jangan dihabiskan semua buah di tangkai. Ambil sekadar untuk dimakan dan selebihnya ditangkai itu disimpan dengan baik agar tahan lama. Sesudah tujuh tahun tanah dan tanaman yang subur, akan datang tahun di mana tanahnya kering gersang dan kemaraunya panjang. Tanah makin kering dan binatang ternak menjadi kurus. Pada waktu itu, apa yang disimpan pada tujuh tahun subur itu akan digunakan pada tujuh tahun kemarau itu. Itulah sebabnya Nabi Yusuf menganjurkan persediaan semasa tujuh tahun subur bagi menempuhi tujuh tahun kemarau selepas itu. Ayat 49 menerangkan bahawa selepas tujuh tahun kemarau itu barulah datangnya tahun yang kembali subur. Ayat tersebut memperlihatkan bahawa ketika zaman Nabi Yusuf AS lagi keperluan menyimpan dalam membuat persiapan menghadapi kecemasan, hari malang, bencana atau perkara yang tidak diingini telah dilaksanakan. Di dalam segmen Agama akhbar Berita Harian edisi 2 Februari 2016 yang bertajuk "Teladani formula Nabi Yusuf tangani krisis ekonomi" mengatakan bahawa dalam kehidupan, kita sentiasa mempunyai lingkungan masalah yang berada diluar kawalan kita. Penulis mengatakan bahawa kita tidak harus mengfokuskan kepada perkara yang diluar kawalan kita. Sebagai contoh, ekonomi yang semakin merosot dan zaman yang semakin mencabar. Sebaliknya kita perlu memikirkan usaha yang kita perlu dan boleh lakukan dan berada dalam kawalan kita agar masalah yang mendatang dapat kita atasi atau selesaikan. Sehingga kini amalan menyimpan masih dititikberatkan dan pelbagai bentuk penyimpanan telah dibentuk bagi memenuhi keperluan masyarakat kini. Antaranya adalah konsep yang disebut sebagai Takaful atau Insuran. Sebilangan besar masyarakat kini rata-ratanya mempunyai perlindungan takaful yakni sama ada mereka mengambilnya bersama syarikat mereka bekerja atau perlindungan yang diambil atas inisiatif sendiri bagi memenuhi keperluan persiapan menghadapi perkara yang tak diingini. Meskipun bilangan pengguna Takaful bertambah dari tahun ke tahun, namun masih ramai pengguna Takaful yang tidak mengetahui akan kewajipan zakat ke atas produk Takaful yang mana ia membawa kepada pertanyaan mengapakah produk Takaful dikira sebagai bentuk harta yang diwajibkan zakat ke atasnya. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tingkat pengetahuan peserta dan agen Takaful beragama Islam akan pelaksanaan Zakat Takaful yang diperkenalkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS). Selain itu, kajian ini juga ingin melihat penerimaan peserta dan persepsi serta kesediaan agen takaful dalam memainkan peranan untuk menyebarkan maklumat tentang Zakat Takaful pada pelanggan mereka.

2.0 KAJIAN LEPAS

2.1 Kewajipan Zakat

"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah, supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk), dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka, dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui." –

Surah At-Taubah (ayat 103)

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta keluarkanlah *zakat* dan taatlah kepada Rasul supaya kamu beroleh rahmat”- Surah An-Nur (ayat 56)

Dalam kajian Hairunnizam, Mohd Ali dan Sanep (2005), ia mengatakan bahawa di awal pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin, kewajipan menunaikan zakat telah dilaksanakan dengan tegas. Ini dilihat melalui kisah selepas kewafatan nabi Muhammad SAW, iaitu pada zaman sahabat nabi, Khalifah Abu Bakar al-Siddiq RA yang memerangi golongan yang enggan membayar zakat sekaligus menunjukkan bahawa kewajipan zakat adalah bukan suatu perkara yang boleh diambil ringan. Ia merupakan kewajipan yang telah diwajibkan ke atas orang Islam dan mereka yang mengingkari atau meragui kefarduannya, maka ianya terkeluar dari agama Islam. Memetik pengertian zakat daripada Mila (2008), pengertian zakat daripada segi bahasa membawa maksud suci, berkah (berkat), tumbuh, serta terpuji, dan kesemua pengertian ini digunakan dalam menterjemahkan hadis dan Al-Quran. Daripada segi istilah pula, zakat diertikan sebagai nama bagi sejumlah harta tertentu yang telah memenuhi syarat-syarat tertentu yang telah diwajibkan oleh Allah SWT untuk diberikan kepada golongan yang berhak menerimanya. Daripada segi bahasa dan istilah ia membawa maksud bahawa harta akan menjadi bersih, suci, baik, berkat, tumbuh dan berkembang setelah dikeluarkan zakat ke atas harta tersebut. Dalam erti kata lain, zakat dapat menyucikan harta orang yang mengeluarkannya dan perbuatan ini mendapat pahala. Daripada segi ekonomi pula, zakat adalah tindakan memindahkan kekayaan dari golongan yang kaya kepada golongan yang miskin (Mila, 2008). Pungutan wang zakat bertujuan untuk diagihkan kepada lapan golongan asnaf seperti yang telah dinyatakan di dalam al-Quran iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, *riqab*, *gharimin*, *fisabilillah* dan *ibnu al-sabil*. Sistem zakat dinaungi di bawah enakmen negeri masing-masing iaitu di bawah pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri (Hairunnizam, Mohd Ali & Sanep, 2005).

2.2 Kewajipan Zakat Terhadap Produk Takaful

Rusni & Safinar (2017), mengatakan bahawa perniagaan takaful dimaksudkan sebagai perniagaan yang berkait dengan pengurusan, pentadbiran dan operasi kumpulan wang takaful bagi peserta takaful yang mungkin melibatkan elemen simpanan dan pelaburan. Mohd dan Radiah (2012) pula, menyenaraikan konsep Mudharabah iaitu suatu bentuk perkongsian untung dalam perniagaan (pelaburan) sebagai salah satu prinsip Takaful. Ini menunjukkan bahawa di dalam produk Takaful, terdapat elemen simpanan dan pelaburan yang dijalankan dan bilamana ia merangkumi simpanan atau pelaburan, ia tertakhluk kepada kewajipan dalam mengeluarkan zakat harta. Seperti yang dinyatakan oleh Hairunnizam, Mohd Ali dan Sanep (2005), mengatakan bahawa zakat harta dikenakan ke atas harta-harta yang berkembang seperti emas dan perak, tanaman, galian dan juga wang termasuklah simpanan, pendapatan gaji, saham dan sebagainya setelah cukup syaratnya. Kewajipan zakat simpanan dapat dilihat melalui kajian Fuadi (2016) yang mengatakan bahawa zakat simpanan adalah zakat ke atas wang atau harta kekayaan yang disimpan kerana tidak digunakan. Zakat atas tabungan atau simpanan ini wajib dikeluarkan sebanyak 2.5 peratus setiap tahun apabila nilai simpanan tersebut bersamaan dengan harga atau nilai 94 gram emas. Turut ditulis dalam kajian Farah, Rashidah dan Normah (2012), mengatakan bahawa umat Islam diwajibkan untuk membayar zakat kerana ia adalah salah satu daripada rukun Islam. Ia haruslah dikeluarkan ke atas simpanan, pendapatan dan aset perniagaan, serta emas dan perak dengan kadar zakat sebanyak 2.5 peratus.. Terkini, LZS di dalam portal rasminya telah menyatakan bahawa produk takaful diklasifikasikan sebagai salah satu bentuk simpanan atau pelaburan yang mempunyai unsur harta *zakawi* dan tertakhluk kepada kewajipan zakat jika ia telah

memenuhi syarat-syaratnya. Memetik artikel dari Utusan Online bertarikh 17 Mei 2013 bertajuk “Zakat Insurans dan Takaful Anak” dalam slot bicara agama yang ditulis oleh Ustaz Hamizul Abdul Hamid, beliau mengatakan bahawa;

‘takaful adalah wang yang berbentuk simpanan kerana seseorang penyimpan itu masih mempunyai hak milik sempurna ke atas wang berkenaan’

Dalam menjawab persoalan pengguna takaful tentang kewajipan membayar zakat produk takaful, beliau menjelaskan bahawa dalam tempoh masa perjanjian Takaful dijalankan atau dalam erti kata lain kontrak Takaful berjalan, pencarum dibenarkan memohon pengeluaran tunai daripada pihak Takaful yang dicarum tanpa perlu membatalkan polisi. Di dalam hal ini, beliau menjelaskan bahawa status wang di dalam takaful adalah dianggap sebagai wang simpanan dan ini bermaksud ia tertakluk kepada zakat simpanan jika sudah memenuhi syarat-syaratnya seperti mana pencarum mengira zakat simpanan yang lain. Ini termasuklah jika simpanan itu adalah bagi anak-anak yang di bawah 18 tahun. Mereka masih dianggap sebagai di bawah tanggungan ibu bapa atau penjaga dan ibu bapa atau penjaga adalah pihak yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan zakat. Ini juga apa yang dilaksanakan oleh Syarikat Takaful di mana bagi anak-anak yang dibawah 18 tahun, ibu bapa atau penjaga mempunyai hak ke atas wang simpanan tersebut. Berbalik kepada bagaimana pengiraan bagi zakat simpanan takaful tadi, pencarum dikehendaki mencampurkan jumlah simpanan anak-anak mereka di dalam takaful yang telah menjadi milik sempurna (yakni mereka boleh mengeluarkan wang tunai tersebut tanpa perlu membatalkan polisi) dengan simpanan-simpanan lain anak-anak sama ada di insititusi kewangan atau di mana-mana sahaja. Jika jumlah campuran adalah bersamaan atau melebihi paras nisab pada tahun itu, maka harta tersebut tertakluk kepada zakat dengan kadar 2.5 peratus. Jawapan yang sama turut dimuat naik di dalam Harakahdaily dengan ulasan yang lebih panjang oleh Ustaz Hamizul Abdul Hamid, Eksekutif Komunikasi Korporat, LZS-MAIS pada 3 Jun 2013 bagi soalan yang sama. Fatwa Sistem Pengurusan Kutipan Zakat Negeri Selangor 2013 yang dikeluarkan oleh Lembaga Zakat Selangor (MAIS), menghuraikan akan syarat-syarat wajib zakat bagi zakat emas, zakat perak, zakat mata wang, zakat Al-Mal Al-Mustafad, zakat binatang ternakan, zakat tanaman, zakat perniagaan, zakat galian (Ma’adin) dan harta karun (Kunuz) serta zakat fitrah. Melalui fatwa ini, zakat mata wang ditakrifkan sebagai zakat yang diwajibkan ke atas segala alat pertukaran yang mempunyai nilai atau harga tertentu dan diakui sah. Di bawah zakat mata wang, terdapat dua kategori iaitu simpanan dan pengeluaran wang KWSP. Antara isu berkaitan yang diletakkan di bawah zakat simpanan ini adalah simpanan takaful keluarga dan insurans nyawa yang mana keduanya disamakan dengan zakat simpanan. Takrif yang diberikan dalam fatwa ini bagi wang simpanan adalah wang yang disimpan oleh pemilik yakni sama ada di dalam simpanan seperti peti besi, tabung mahupun bekas dan seumpama dengannya, atau disimpan di dalam akaun simpanan di insititusi kewangan, koperasi, takaful, perbankan dan seumpama dengannya. Ia juga meliputi simpanan biasa dan simpanan tetap.

Merujuk kepada Harakahdaily, bagi kes menerima wang pampasan daripada pihak Takaful akibat kemalangan atau bencana, wang pampasan tersebut dikira sebagai wang pendapatan sepenuhnya. Menurut artikel yang sama, wang berkenaan perlu terlebih dahulu dikeluarkan zakat ke atasnya dengan kadar yang sama iaitu 2.5 peratus semasa diterima. Sebagai contoh, jika pampasan yang diterima bernilai RM150,000 zakat ke atasnya adalah 2.5 peratus yakni bersamaan ($2.5\% \times RM150,000 = RM3,750$). Meskipun pewaris yang menerima pampasan berkenaan belum mencapai usia baligh, menurut fuqaha termasuklah dari pandangan Imam Syafie, adalah tidak menjadi penghalang bagi mereka untuk dikenakan zakat. Sebab atau *illab* dikenakan zakat adalah kerana kekayaan yang dimiliki bukan ke atas individu semata. Oleh itu, di bawah syarat wajib zakat, ia tidak mengambil kira sama ada pemilik harta adalah mereka yang baligh, berakal atau

tidak. Jika kekayaannya adalah bersifat milik sempurna dan mereka mempunyai hak *at-tasaruf* yakni hak menggunakan harta tanpa batasan, maka wajib zakat ke atasnya. Disebabkan itu juga, bagi orang tua atau tidak waras, waris mereka wajib mengeluarkan zakat ke atas harta-harta yang dimiliki oleh mereka. Begitu juga jika statusnya sebagai pelajar yang mana mereka masih di bawah pembiayaan ibu bapa, ini bermakna mereka tidak bergantung 100 peratus kepada wang takaful yang diperoleh. Oleh itu, harta seorang pelajar yang sudah mencapai syarat wajib zakat, diwajibkan zakat ke atas harta mereka. Ini bermakna, ibu bapa atau penjaga anak-anak tersebut perlu menunaikan zakat simpanan ke atas simpanan takaful anak-anak mereka jika belum ditunaikan. Jawapan yang sama diberikan oleh Penolong Pengurus Unit Syariah Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP), Ahmad Husni Abdul Rahman menerusi rencana Agama dalam Berita Harian Online yang ditulis pada awal tahun ini iaitu 29 Januari 2019 bertajuk “Simpanan kanak-kanak lebih RM13,968 wajib zakat” yang dipetik dari Wawancara Khas Zakat Simpanan di PPZ-MAIWP. Menurut beliau, ibu bapa perlu mengeluarkan zakat simpanan bagi harta anak yang melebihi nisab atau had minimum ditetapkan. Ini kerana syarat wajib bagi zakat adalah Islam, memiliki harta, merdeka, serta cukup haul dan nisab. Oleh itu, sesiapa sahaja yang sudah memenuhi syarat wajib ini tidak kira sama ada bayi, kanak-kanak, mahupun orang yang tidak siuman, sekiranya memiliki harta yang melebihi nisab, mereka tertakluk kepada tuntutan zakat. Penjaga atau wali yang bertanggungjawab ke atas harta berkenaan perlu menunaikannya apabila cukup haul.

Ternyata, kewajipan membayar zakat pada produk takaful telah diperkenalkan dan dibincangkan sejak tahun 2013 lagi. Namun, rata-rata pengguna takaful masih lagi tidak jelas dan tidak mengetahui akan kewajipan ini. Menerusi laman web Lembaga Zakat Selangor, dinyatakan bahawa pada 4 November 2015, mesyuarat Jawatankuasa Syariah Lembaga Zakat Selangor telah meluluskan Pengemaskinian Fatwa Pengurusan Kutipan Zakat. Terdapat pindaan, perincian dan penambahan dalam perkara-perkara seperti Pelaksanaan Kaedah Gabungan Nisab Emas (Harta/Pendapatan Berdasarkan Emas) dan Taksiran Simpanan Polisi Takaful atau Insuran. Dengan perubahan fatwa tersebut, terdapat perubahan dalam kaedah pengiraan zakat harta di Lembaga Zakat Selangor antaranya kiraan zakat yakni semua jenis harta yang mempunyai *‘illah* yang sama dengan emas akan dicampurkan keseluruhannya untuk tujuan kiraan zakat. Contohnya kiraan jumlah simpanan di Tabung Haji, wang simpanan di semua bank dan jongkong emas akan digabungkan bagi tujuan kiraan zakat. Terdapat dua (2) pembahagian untuk harta atau pendapatan iaitu tanpa syarat *haul* dan dengan syarat *haul*. Kedua-duanya akan digabungkan nisab bagi tujuan kiraan zakat. Format kiraan bagi zakat pendapatan, simpanan, emas dan sebagainya akan menggabungkan nisab bagi pengiraan zakat yang lebih tepat dari sudut syariah. Perubahan fatwa ini berkuatkuasa di seluruh Negeri Selangor bermula 15 April 2016. Terbaharu, LZS telah mengeluarkan ringkasan Perubahan Fatwa Kutipan Zakat Terkini 2017 (rujuk Lampiran) yang mana telah mula dilaksanakan pada 22 September 2017 yang lalu. Kadar nisab paling terbaru yang dinyatakan dalam laman web LZS adalah sebanyak RM14,857. Berikut akan diterangkan secara ringkas akan cara pengiraan atau kadar taksiran bagi kategori-kategori zakat di bawah Zakat Takaful.

2.3 Kaedah Taksiran Zakat Takaful

Di bawah Zakat Takaful terdapat beberapa kategori dan kaedah taksirannya sendiri. Kategori yang pertama adalah kategori zakat wang simpanan/pelaburan Takaful. Bagi kategori ini, pemegang atau pencarum takaful keluarga hendaklah membayar zakat pada setiap tahun ke atas nilai simpanan/pelaburan yang boleh dikeluarkan (*cash value*) sahaja dan bukan jumlah wang yang akan diperolehi jika membatalkan polisi (*surrender value*). Ini adalah kerana, hukum zakat bagi simpanan/pelaburan dalam polisi takaful adalah sama seperti hukum zakat bagi simpanan wang

di institusi kewangan. Dalam Takaful, nilai tunai (*cash value*) boleh dikeluarkan tanpa perlu menunggu tempoh tamat kontrak atau membatalkan polisi dengan pihak takaful. Bagi kategori zakat ke atas polisi Takaful yang matang pula, selepas sijil takaful sudah matang, maka adalah wajib zakat simpanan ke atas pemegang polisi yang mendapat pulangan tunai secara penuh atau keseluruhannya iaitu mendapat pulangan wang tunai daripada Dana Risiko Peserta serta keuntungan pelaburan yang diperoleh dari Dana Pelaburan Peserta. Kaedah taksiran bagi kedua-dua kategori iaitu zakat ke atas simpanan atau pelaburan yang boleh dikeluarkan dan zakat ke atas polisi Takaful yang matang adalah seperti yang dijelaskan di Jadual 1.

Jadual 1: Kaedah taksiran zakat takaful

Pengiraan zakat ke atas simpanan/pelaburan yang boleh dikeluarkan:

[Jumlah simpanan /pelaburan – nilai simpanan /pelaburan minimum perlu ada dalam polisi] = Cash value polisi takaful

Formula Asas:

Zakat = Cash value polisi takaful x 2.5%

Kaedah Taksiran Zakat Gabungan Nisab Emas :

Zakat = [Cash value polisi takaful + wang / simpanan di institusi kewangan + wang diluar institusi kewangan] x 2.5%

Pengiraan zakat ke atas polisi Takaful yang matang:

Zakat = Maturity value (nilai matang) polisi takaful x 2.5%

Kaedah Taksiran Zakat Gabungan Nisab Emas;

Zakat = [Maturity value (nilai matang) polisi takaful + wang / simpanan di institusi kewangan + wang diluar institusi kewangan] x 2.5%

Sumber: Laman web Lembaga Zakat Selangor <http://www.zakatselangor.com.my/taksirzakat/>

Seterusnya adalah bagi kategori zakat ke atas pampasan takaful. Diwajibkan Zakat Pendapatan ke atas waris si mati. Ianya adalah selepas ditolak untuk penyelesaian hutang si mati (hutang zakat/hutang sesama manusia dan lain – lain) dan upah haji sekiranya si mati belum mengerjakan fardhu haji. Selain itu, Wang Pulangan Tunai Dana *Tabarruk* juga perlu dizakatkan. Wajib zakat pendapatan ke atas pemegang polisi takaful sekiranya mereka memperolehi wang pulangan tunai daripada Dana *Tabarruk*; contohnya pulangan tunai setiap tahun jika tiada sebarang tuntutan tahunan (contohnya NCD yang diperolehi kerana tiada tuntutan tahunan). Bagi Manfaat keilatan kekal dan menyeluruh pula, wajib zakat pendapatan ke atas pemegang polisi yang menerima manfaat keilatan kekal dan menyeluruh akibat kemalangan atau sebab penyakit tertentu. Akhir sekali zakat atas Pampasan Polisi Insurans Konvensional. Pampasan polisi insurans konvensional yang diterima oleh ahli waris tidak perlu dizakatkan kerana ia dikira sebagai harta yang tidak patuh syariah. Hanya bayaran pokok pembeli polisi insurans konvensional (semasa hayat pembeli/pemegang polisi) sahaja yang dikenakan zakat. Namun sekiranya ahli waris pembeli polisi tersebut merupakan golongan fakir miskin, mereka boleh mengambil sebahagian wang pampasan polisi insurans tersebut dengan jumlah sekadar keperluan sebagai fakir miskin yang ingin mencukupkan keperluan, dan jika jumlah yang diambil melebihi nisab zakat, maka wajib zakat pendapatan ke atas ahli waris. Jika pampasan polisi Insurans konvensional tersebut diterima daripada caruman yang dibuat oleh majikan maka ahli waris boleh menggunakan wang tersebut keseluruhannya dan diwajibkan zakat pendapatan ke atasnya. Perkara ini telah dibincangkan di dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-94 yang bersidang pada 20 hingga 22 April 2011 telah membincangkan Status Pampasan Polisi Insurans Konvensional Selepas Kematian Pembeli Polisi. Menerusi Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia terbitan Bahagian Pengurusan Fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2016), keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan

Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-94 mengenai Status Pampasan Polisi Insurans Konvensional Selepas Kematian Pembeli Polisi menunjukkan muzakarah bersetuju memutuskan bahawa pampasan polisi insurans konvensional yang diterima oleh ahli waris adalah dikira sebagai harta tidak patuh syariah. Bayaran pokok pembeli polisi atau pencarum ketika hayat sahaja yang dikategorikan sebagai harta peninggalan si mati yang perlu diagihkan secara sistem faraid. Baki daripada pampasan polisi insurans konvensional tersebut tidak boleh diwarisi oleh ahli waris secara sistem faraid dan wajib dilupuskan dengan cara menyerahkannya kepada Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri-Negeri atau didermakan bagi tujuan kebajikan yakni termasuklah kepada golongan fakir dan miskin.

Berdasarkan penjelasan tersebut, jelaslah bahawa simpanan atau pelaburan serta manfaat yang diterima melalui Takaful seperti pampasan dan sebagainya perlulah dizakatkan jika ia sudah memenuhi syarat-syaratnya kerana ia merupakan sebahagian daripada harta individu itu sendiri. Namun, dianggarkan masih ramai yang tidak tahu secara jelas akan kewajipan ini yang mana ia mungkin disebabkan faktor-faktor dalaman ataupun luaran seperti penyebaran maklumat yang kurang efektif, kekurangan ilmu akan hukum atau fatwa baru yang dikeluarkan dan sebagainya. Keadaan ini secara tidak langsung mampu menyumbang kepada kekurangan kutipan zakat harta yang diperoleh badan pelaksana. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi melihat sejauh mana pengetahuan para pengguna Takaful akan kewajipan zakat terhadap produk takaful ini dan sejauh mana penerimaan mereka akan pelaksanaan Zakat Takaful ini. Turut menjadi persoalan kajian adalah pengetahuan dan kerelaan agen Takaful dalam memainkan peranan menyebarkan maklumat Zakat Takaful kepada pelanggannya.

3.0 METODOLOGI

Kaedah pensampelan: Terdapat dua kaedah digunapakai bagi menjalankan kajian ini. Bagi mendapatkan data, pengedaran soal selidik dan temubual telah dijalankan. Persampelan secara rawak berkelompok dilakukan dengan mengedarkan soal selidik kepada 200 orang individu yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur yang merupakan pengguna Takaful yang menetap atau bekerja di sekitar pusat Shah Alam (Shah Alam Tengah). Umumnya Shah Alam dibahagikan kepada utara, tengah, selatan dan sebahagian Sungai Buloh. Shah Alam Tengah adalah bahagian 'utama' di Shah Alam di mana ia merangkumi Seksyen 1 sehingga Seksyen 24 yang dilihat dalam peta sebagai warna kuning. Dalam kawasan inilah di mana semua bangunan pentadbiran dan agensi terletak terutamanya di Seksyen 14 (Pusat Bandar Shah Alam) dan Seksyen 5 (Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri). Turut sama berada di bahagian utama ini adalah Ibu pejabat Lembaga Zakat Selangor (seksyen 13) bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (seksyen 5), dan Majlis Bandaraya Shah Alam (seksyen 14). Mengikut angka yang diambil dari laman web rasmi Majlis Bandaraya Shah Alam, populasi penduduk Shah Alam terkini yang dicatatkan adalah seramai 650,000 orang. Faktor-faktor ekonomi seperti lokasi dan bilangan penduduk secara tidak langsung memberi gambaran kasar akan potensi pengguna Takaful yang menetap atau bekerja di bandaraya Shah Alam sebagai pembayar zakat di Selangor. Ini merupakan sebab utama kajian ini memilih kelompok responden ini sebagai responden kajian. Daripada 200 soal selidik yang dikeluarkan, 150 maklumbalas sahaja yang diterima dan hanya maklumbalas dari 120 orang responden sahaja yang digunapakai bagi analisis kajian ini kerana selebihnya tidak menjawab soalan dengan lengkap.

Soalan soal selidik kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A: Latar Belakang Responden, Bahagian B: Penilaian Responden Terhadap Pengetahuan Zakat Takaful dan Bahagian C: Penilaian Responden terhadap Penerimaan Zakat Takaful. Kaedah kedua yang dijalankan adalah temubual. Seramai 5 orang agen dari berlainan Syarikat Takaful dan tempoh

pengalaman di industri Takaful telah ditemubual sekitar awal Disember 2017 bagi mendapatkan hasil kajian ini. Terdahulu, temubual bersama Eksekutif Dakwah Lembaga Zakat Selangor iaitu Puan Syaharina Abdullah telah dijalankan pada 9 November 2017 bertujuan mendapatkan maklumat dan penjelasan yang lebih jelas akan pelaksanaan Zakat Takaful oleh pihak pelaksana.

Kaedah Analisis Data: Kajian ini menggunakan analisis secara diskriptif yakni menggunakan nilai min bagi setiap soalan dan konstruk. Kesemua konstruk adalah berbentuk skala likert bernilai 1 iaitu sangat tidak setuju hingga 5 iaitu sangat setuju. Menerusi analisis ini, Jadual 2 menunjukkan pembahagian tahap dan markah bagi pengetahuan dan penerimaan pelaksanaan Zakat Takaful manakala Jadual 4 menunjukkan tingkat pengetahuan dan penerimaan pengguna Takaful akan pelaksanaan Zakat Takaful. Pembahagian tahap dan markah ini diperolehi menerusi kaedah statistik pengedaran frekuensi berkumpulan (*grouped frequency distribution*) bagi mengira markah yang diperolehi responden soal selidik. Pengedaran frekuensi berkumpulan adalah salah satu bentuk data yang diringkaskan. Ia mewakili data yang dikumpulkan ke dalam kelas yang berlainan. Kekekapan bagi setiap kelas mewakili bilangan kes atau pemerhatian untuk kelas tertentu. Terdapat 10 soalan soal selidik yang berkaitan dengan pengetahuan pengguna (Bahagian B) dan 4 soalan berkaitan dengan penerimaan pengguna akan zakat Takaful (Bahagian C). Skor terendah bagi setiap soalan adalah 1 dan skor tertinggi adalah 5. Analisis skor berasaskan markah minimum satu item ialah 1 dan markah maksimum ialah 5 (Mohamad, 1999). Tingkat pemarkahan dibahagi kepada tiga iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Bagi tiap-tiap tahap, kajian ini mengasingkan setiap pemarkahan mengikut selang kelas (*class interval*) yang diperolehi menerusi kaedah pengedaran frekuensi berkumpulan dan dijelaskan seperti berikut:

Pengiraan bagi jumlah skor/markah terendah (*Lowest value, LV*):

$$S = N \times 1 \quad (1)$$

Pengiraan bagi jumlah skor/markah tertinggi (*Highest value, HV*):

$$S = N \times 5 \quad (2)$$

Dimana:

S = Jumlah Skor/markah

N = Jumlah soalan

1 = Skor terendah

5 = Skor tertinggi

Manakala pengiraan selang kelas (*Class Interval*) adalah seperti berikut:

$$CI = \frac{\text{Highest value (HV)} - \text{Lowest value (LV)}}{k} \quad (3)$$

dimana;

k = 3 (jumlah tahap/kelas iaitu rendah, sederhana dan tinggi)

Jadual 2: Pembahagian Tahap dan Markah bagi Pengetahuan dan Penerimaan Zakat Takaful

Bil	Tahap Pengetahuan	Markah Keseluruhan	Tahap Penerimaan	Markah Keseluruhan
1	Rendah	10-22	Rendah	4 - 8
2	Sederhana	23-35	Sederhana	9 - 13
3	Tinggi	36 ke atas	Tinggi	14 ke atas

Hasil pembahagian tahap dan markah bagi pengetahuan dan penerimaan Zakat Takaful menerusi kaedah pengedaran frekuensi berkumpulan dapat dilihat di dalam Jadual 2. Interpretasi min yang digunapakai oleh kajian ini (Jadual 9 dan Jadual 10) pula diadaptasi daripada kajian Bahril & Wahid (2010) yang menunjukkan Skala Tahap Persetujuan yakni < 2.4 adalah 'Rendah'; 2.41 hingga 3.80 adalah 'Sederhana' dan akhir sekali >3.81 adalah 'Tinggi' (rujuk Jadual 8).

4.0 HASIL KAJIAN

Jadual 3 menunjukkan latar belakang responden seramai 120 orang. Responden yang terlibat majoritinya adalah berjantina perempuan yakni sebanyak 55 peratus daripada jumlah responden. 82 orang daripada responden sudah berkahwin dan selebihnya masih bujang. Rata-rata responden yang menjawab kajian ini adalah mereka yang bertaraf pendidikan ijazah sarjana muda dan ke atas iaitu sebanyak 70 peratus dari jumlah responden dan sebahagian besar daripada responden adalah kakitangan awam iaitu seramai 99 daripada 120 orang responden. Ini kerana Bandaraya Shah Alam merupakan pusat pentadbiran negeri Selangor tertumpu seperti bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan badan-badan kerajaan yang lain. Seramai dua orang responden bekerja sendiri, dua orang tidak bekerja dan seorang adalah pelajar. Responden yang tidak bekerja adalah mereka yang menganggur selepas berhenti kerja namun masih mempunyai komitmen mencarum Takaful setiap bulan. Responden yang berstatus pelajar pula merupakan pengguna Takaful kerana dicarum oleh penjawanya. Dapat dilihat juga lingkungan pendapatan para responden yang mana 55.8 peratus daripada jumlah responden merupakan golongan B40 yakni dibawah pendapatan RM3,900 sebulan dan selebihnya mereka yang berpendapatan sederhana dan tinggi.

Jadual 3 juga menunjukkan keputusan bahawa hampir kesemua responden tidak pernah membayar Zakat Takaful yakni sebanyak 97.5 peratus daripada jumlah responden. Berdasarkan Jadual 4 iaitu analisis tingkat pengetahuan dan penerimaan pengguna Takaful akan pelaksanaan Zakat Takaful, bagi tingkat pengetahuan rendah, markah yang diperoleh oleh responden adalah dalam lingkungan 10-22 markah. Berdasarkan skor yang diperoleh oleh responden, 44.2 peratus daripada responden adalah pada tingkat pengetahuan yang rendah. Bagi peringkat pengetahuan sederhana pula, markah responden adalah dalam lingkungan 23 markah hingga 35 markah. Berdasarkan Jadual 3, dapat dilihat 51.7 peratus daripada responden berada pada tingkat pengetahuan sederhana. Bagi pengetahuan tingkat tinggi pula adalah 36 markah ke atas iaitu hanya 4.2 peratus dari jumlah responden dicatatkan mempunyai tingkat pengetahuan yang tinggi akan Zakat Takaful. Seterusnya adalah soalan soal selidik yang berkait dengan penerimaan pengguna akan pelaksanaan Zakat Takaful yang kesemuanya mempunyai 4 soalan. Bagi tingkat penerimaan rendah, markah yang diperoleh adalah 4 markah hingga 8 markah. Tiada responden mencatatkan pada tingkat penerimaan ini. Bagi tingkat penerimaan sederhana, markah responden adalah dalam lingkungan 9 markah hingga 13 markah. Sebanyak 10 peratus daripada responden mencatatkan tingkat penerimaan yang sederhana. Seterusnya, skor bagi tingkat penerimaan tinggi adalah 14 markah ke atas.

Jadual 3: Latarbelakang Responden

Item	Bilangan	Peratusan (%)
<i>Jantina</i>		
Lelaki	54	45.0
Perempuan	66	55.0
<i>Status</i>		
Bujang	38	31.7
Berkahwin	82	68.3
<i>Taraf Pendidikan</i>		
SPM/STPM/STAM	16	13.3
Diploma	20	16.7
Ijazah Sarjana Muda dan ke atas	84	70.7
<i>Sektor Pekerjaan</i>		
Kakitangan Awam	99	82.5
Kakitangan Swasta	16	13.3
Bekerja Sendiri	2	1.7
Tidak Bekerja	2	1.7
Pelajar	1	0.8
<i>Pendapatan Isi Rumah</i>		
Bawah RM 3, 900 (Golongan B40)	67	55.8
RM 3, 900 ke atas	53	44.2
<i>Pernahkah anda membayar Zakat Takaful</i>		
Ya		
Tidak	3	2.5
	117	97.5

Sumber : Berdasarkan maklumat soal selidik

Jadual 4 pula menunjukkan 90 peratus daripada jumlah keseluruhan responden mencatatkan tingkat penerimaan yang tinggi akan pelaksanaan Zakat Takaful ini. Hasil yang dicatatkan di dalam Jadual 3 bagi pertanyaan pernah membayar Zakat Takaful atau tidak dengan hasil yang dicatatkan di Jadual 4 adalah selari di mana majoriti daripada responden tidak mengetahui dengan jelas akan Zakat Takaful dan pelaksanaannya (Jadual 4) dan ini antara yang menyumbang kepada penyebab mereka tidak pernah membayar Zakat Takaful.

Jadual 4: Analisis Tingkat Pengetahuan dan Penerimaan Pengguna Takaful akan Pelaksanaan Zakat Takaful

Tahap	Rendah Bil. responden	Sederhana Bil. responden	Tinggi Bil. responden	Jumlah responden
Tingkat Pengetahuan ¹	53 (44.2%)	62 (51.7%)	5 (4.2%)	120 (100%)
Tingkat Penerimaan ²	0 (0%)	12 (10.0%)	108 (90.0%)	120 (100%)

Nota: () peratusan daripada keseluruhan responden

¹ tahap rendah: julat nilai skor antara 10-22; tahap sederhana: 23-35; tinggi: 36 ke atas

² tahap rendah: julat antara nilai skor 4-8; tahap sederhana: 9-13; tinggi: 14 ke atas

Sumber: Berdasarkan maklumat soal selidik 2017

Dianggarkan dengan penjelasan yang menyeluruh kepada pengguna akan kewajipan Zakat Takaful, kutipan zakat bakal menunjukkan peningkatan yang positif merujuk kepada tingkat penerimaan yang baik oleh pengguna Takaful akan pelaksanaan Zakat Takaful di negeri ini (Jadual 4).

Jadual 5: Maklumbalas Agen akan Pengetahuan tentang Zakat Takaful

Informan	Maklumbalas
Informan 1	‘...Pernah dengar cuma macam secara keseluruhannya saya tak berapa clear lah sebenarnya. Saya tahu kalau macam kita ada duit simpanan kan, takaful mmg ada simpanan <i>so the portion</i> of simpanan tu kita kena zakatkan. <i>Which is</i> kita kena tahu berapa nilai yang ada dalam akaun tu kita kena amik kira dengan harta-harta kita yang lain lah. Agen tak ramai tahu. Saya tak tahu banyak pun. Tahu sikit je. <i>So far client</i> tak ada tny and bagus lah harini saya ada bg soalan pada <i>group members</i> ada bincang sikit and dorg ckp oh baguslah <i>topic ni which is</i> kita mmg kena <i>explain</i> pada <i>client which is</i> mgkin client byk tak tahu kan sbb tu sebahagian dari harta dia orang kan...’
Informan 2	‘...Tak pernah. Apa tu eh?...’
Informan 3	‘...Pernah. Masa saya di syarikat takaful X dulu 2006-2007 telah diwar-warkan oleh pihak takaful X mengatakan setiap yang mencarum mendapatkan polisi takaful <i>automatic</i> telah tolak zakat 2.5 peratus.. Pihak hq yang beritahu...’
Informan 4	‘...Pernah tapi macam tu je. Kitaorang memang tak belajar produk tu. Yang akak tahu, kalau kita tahu <i>savings</i> kita banyak dan cukup haul cukup nisab bayar. Kalau RM100-200 mungkin tak <i>effect</i> . Tapi kalau beribu kena bayar. ...’
Informan 5	‘...Tak...’

Sumber: Maklumat temubual

Menjawab persoalan akan pengetahuan tentang Zakat Takaful, responden temubual yang terdiri daripada agen-agen dari berlainan Syarikat Takaful dan berbeza tempoh pengalaman di industri Takaful secara umum memberikan jawapan yang hampir sama (Jadual 5). Sebahagian mengatakan pernah mendengar Takaful namun kefahaman mereka tentang Zakat Takaful tidak berapa jelas dan menyeluruh. Ada juga yang mengatakan tahu tentang zakat Takaful namun kefahaman mereka agak tidak tepat yang mana ini mampu mengelirukan pengguna. Sebahagian yang lain menjawab tidak pernah dan tidak langsung mengambil tahu akan perkara ini termasuklah tidak pernah membuka laman sesawang LZS. Ini sekaligus dapat dilihat tingkat pengetahuan sedia ada agen-agen akan pelaksanaan Zakat Takaful adalah hampir sama seperti pengguna-pengguna Takaful iaitu pada tahap yang rendah.

Berdasarkan temubual bersama lima orang agen Takaful ini juga, dapat dilihat bahawa rata-rata agen relahati untuk menjelaskan Zakat Takaful kepada pelanggan mereka (Jadual 6). Ada yang berpendapat bahawa ini merupakan sebahagian dari tanggungjawab mereka dalam menerangkan perkara yang berkait dengan kerja mereka dan menerangkan apa yang tidak jelas pada pengguna. Ada yang beranggapan pengguna bukan hanya melihat kepada produk akan tetapi servis yang diterima dari agen dan dengan penjelasan lanjut atau maklumat tambahan kepada pengguna mampu menunjukkan imej agen yang lebih baik. Ada juga yang berpendapat bahawa ini adalah sebahagian daripada dakwah memandangkan Zakat merupakan perkara yang baik dalam Islam. Dengan menjelaskan akan tanggungjawab individu mengeluarkan Zakat bagi produk Takaful bukan hanya melibatkan tugas kerja semata akan tetapi mengambil peluang merebut pahala menyebarkan dakwah. Namun begitu, ada juga yang berpendapat bahawa penjelasan harus diberikan oleh pihak yang lebih berpengetahuan dan arif akan perkara ini iaitu pihak pelaksana. Ini bagi memudahkan pengguna untuk lebih memahami dan jelas akan pelaksanaan Zakat Takaful melalui penjelasan pihak pelaksana sendiri.

Jadual 6: Maklumbalas Agen akan Kerelaan Menjelaskan tentang Zakat Takaful kepada Pengguna

Informan	Maklumbalas
Informan 1	‘...Dengan relahati sebab kadang-kadang client ni dia pilih lebih kepada service tau daripada produk atau agent. Mungkin kalau kita cerita maklumat tambahan pada dia orang, add on extra la for me, so saya relahati...’
Informan 2	‘...Of course. Sebab macam saya bagi tahu tadi zakat <i>is a good thing in Islam. So maybe it is a part of dakwah?</i> ...’
Informan 3	‘...Ya...’
Informan 4	‘...Ya...’
Informan 5	‘...Tak. Malas nak buat. Tapi kalau benda ni dah <i>imposed, we have to explain</i> lah. Kalau tak biar LZS yang explain. Lagi senang kalau public dah <i>aware</i> , baru lebih senang untuk kita <i>as agents explain</i> ...’

Sumber : Maklumat temubual

Jadual 7: Maklumbalas responden terhadap peranan agen takaful menerangkan zakat takaful

	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah Responden
Peranan agen menerangkan Zakat Takaful	1 (0.8%)	5 (4.2%)	76 (63.3%)	38 (31.7%)	120 (100%)

Nota: () peratusan daripada keseluruhan responden

Sumber : Maklumat temubual

Walau bagaimanapun, berdasarkan soal selidik bersama pengguna Takaful, rata-rata responden ingin agen turut sama memainkan peranan dalam menerangkan Zakat Takaful kepada mereka (Jadual 7). Ini berkemungkinan kerana mereka berasa pihak Takaful sudah sedia maklum akan perkara ini dan lebih mudah untuk bertanya kepada pihak Takaful secara terus tanpa perlu berurusan dengan banyak pihak. Ini turut diakui oleh Eksekutif Dakwah LZS, Puan Syaharina Abdullah, yang mengatakan pihak LZS turut menerima panggilan dari pihak takaful bertanyakan akan soalan berkaitan zakat terhadap produk takaful bagi menjawab persoalan pengguna/pelanggan Takaful kepada mereka. Menerusi soal selidik yang dijalankan, pernyataan skor “1” sebagai mewakili “sangat tidak setuju”, skor “2” mewakili “tidak setuju”, skor “3” mewakili “tidak pasti”, skor “4” adalah “setuju” dan akhir sekali skor “5” mewakili “sangat setuju”. Berdasarkan Jadual 9, dapat dilihat min terendah yang dicatatkan adalah 2.03 yakni bagi soalan kejelasan responden akan pengetahuan tentang Zakat Takaful. Min yang dicatatkan iaitu skor 2 menunjukkan rata-rata responden tidak setuju akan kenyataan bahawa “saya mengetahui dengan jelas akan Zakat Takaful yang dilaksanakan oleh LZS” dan “Saya mengetahui tentang adanya Zakat Takaful namun tidak secara jelas dan menyeluruh”. Diikuti dengan beberapa soalan tentang pengetahuan Zakat Takaful yang lain seperti pengetahuan tentang Zakat Takaful merangkumi wang simpanan/pelaburan takaful, polisi takaful yang matang, pampasan takaful, manfaat keilatan kekal dan menyeluruh, serta wang pulangan tunai dana Tabarruq, turut mencatatkan min yang rendah iaitu 2.13. Secara purata, pengetahuan responden akan Zakat Takaful ini adalah rendah dengan min dicatatkan 2.32 (Jadual 9).

Jadual 8: Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan deskriptif statistic

Skor Min	Interpretasi
1 hingga 2.40	Rendah
2.41 hingga 3.8	Sederhana
3.81 hingga 5	Tinggi

Sumber: Bahril B. Balli & Wahid Razzaly (2010)

Jadual 10 menunjukkan purata penerimaan responden terhadap pelaksanaan Zakat Takaful. Min tertinggi adalah 4.16 yakni menunjukkan purata kepada skor 4 hingga 5 iaitu setuju dan sangat setuju bagi pernyataan bahawa responden akan membayar Zakat Takaful kerana ia merupakan kewajipan agama. Min terendah adalah 3.48 yakni menunjukkan purata kepada skor 3 iaitu tidak pasti bagi pernyataan responden membayar Zakat Takaful jika ditetapkan oleh undang-undang atau pihak berkuasa sahaja. Bagi soalan kesediaan responden untuk membayar Zakat Takaful, majoriti bersedia untuk membayar Zakat Takaful dengan menunjukkan min yang tinggi iaitu 4.06. Purata min bagi keseluruhan penerimaan mencatatkan 3.93 iaitu pada tahap persetujuan yang tinggi. Secara keseluruhannya, ia menunjukkan penerimaan yang baik daripada responden kajian.

Jadual 9: Tahap Pengetahuan Pengguna terhadap Zakat Takaful

No	Item Soalan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Skor Min	Tahap ¹
1	Pernah mendengar Zakat Takaful	16 (13.3)	75 (62.5)	17 (14.2)	11 (9.2)	1 (0.8)	2.22	Rendah
2	Mengetahui Zakat Takaful dengan jelas	20 (16.7)	79 (65.8)	18 (15)	3 (2.5)	0 (0.0)	2.03	Rendah
3	Mengetahui tentang Zakat Takaful tapi tidak menyeluruh.	19 (15.8)	76 (63.3)	11 (9.2)	11 (9.2)	3 (2.5)	2.19	Rendah
4	Mengetahui jenis-jenis Zakat Takaful	19 (15.8)	76 (63.3)	15 (12.5)	10 (8.3)	0 (0.0)	2.13	Rendah
5	Mengetahui zakat takaful sebahagian dari zakat harta	14 (11.7)	37 (30.8)	63 (52.5)	6 (5.0)	0 (0.0)	2.51	Sederhana
6	Mengetahui nilai tunai simpanan/pelaburan yang boleh dikeluarkan tanpa membatalkan polisi takaful termasuk dalam pengiraan wang simpanan yang perlu dizakatkan	16 (13.3)	38 (31.7)	61 (50.8)	5 (4.2)	0 (0.0)	2.46	Sederhana
7	Mengetahui pampasan dan manfaat/elaun yang diterima dari pihak takaful termasuk dalam pengiraan pendapatan yang perlu dizakatkan	14 (11.7)	37 (30.8)	61 (50.8)	8 (6.7)	0 (0.0)	2.53	Sederhana
8	Mengambil tahu jumlah nilai tunai dalam akaun simpanan/pelaburan Takaful	11 (9.2)	54 (45.0)	27 (22.5)	26 (21.7)	2 (1.7)	2.62	Sederhana
9	Mengambil kira nilai tunai yang boleh dikeluarkan dalam akaun simpanan/pelaburan takaful semasa ingin membayar zakat harta	16 (13.3)	73 (60.8)	19 (15.8)	12 (10.0)	0 (0.0)	2.23	Rendah
10	Mengambil kira (jika menerima) pampasan atau manfaat/elaun dari pihak takaful semasa ingin membayar zakat harta	15 (12.5)	75 (62.5)	17 (14.2)	11 (9.2)	2 (1.7)	2.25	Rendah
Purata Min							2.32	Rendah

Nota: () peratusan daripada keseluruhan responden

¹Skala Tahap Persetujuan; < 2.4; Rendah; 2.41-3.80; Sederhana; >3.81 Tinggi

Sumber: Berdasarkan maklumat soal selidik 2017

Jadual 10: Tahap Penerimaan Pengguna terhadap Pelaksanaan Zakat Takaful

No	Item Soalan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti Bil.	Setuju Bil.	Sangat Setuju	Skor Min	Tahap ¹
1	Bersetuju dengan pelaksanaan Zakat Takaful	0 (0.0)	0 (0.0)	16 (13.3)	84 (70.0)	20 (16.7)	4.03	Tinggi
2	Bersedia membayar Zakat Takaful	0 (0.0)	2 (1.7)	12 (10.0)	83 (69.2)	23 (19.2)	4.06	Tinggi
3	Bayar Zakat Takaful kerana ia merupakan kewajipan agama	0 (0.0)	1 (0.8)	7 (5.8)	84 (70.0)	28 (23.3)	4.16	Tinggi
4	Bayar Zakat Takaful jika ditetapkan oleh undang-undang atau pihak berkuasa sahaja	10 (8.3)	16 (13.3)	13 (10.8)	69 (57.5)	12 (10.0)	3.48	Sederhana
Purata Min							3.93	Tinggi

Nota: () peratusan daripada keseluruhan responden

¹Skala Tahap Persetujuan; < 2.4; Rendah; 2.41-3.80; Sederhana; >3.81 Tinggi

Sumber: Berdasarkan maklumat soal selidik 2017

5.0 PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Berdasarkan hasil analisis Jadual 4, dapat dilihat bahawa rata-rata pengguna masih tidak mempunyai pengetahuan yang jelas akan Zakat Takaful mahupun pelaksanaannya. Ini kerana hanya 4.2 peratus daripada jumlah responden menunjukkan tingkat pengetahuan yang tinggi. Selebihnya adalah pada tingkat rendah dan sederhana. Bagi tingkat penerimaan pelaksanaan Zakat Takaful pula, dapat dilihat menerusi jadual yang sama bahawa rata-rata pengguna menerima pelaksanaan Zakat Takaful ini yakni sebanyak 90 peratus dari jumlah responden. Gelagat ini dilihat mampu membentuk suatu hasil yang positif. Ini berdasarkan kajian-kajian lepas dalam pelbagai bidang yang menunjukkan dan mengesahkan kepentingan dan peranan sikap terhadap niat gelagat seperti kajian Ajzen dan Driver (1992), Taylor dan Todd (1995), Hanno dan Viollette (1996), Bobek dan Hartfield (2003) serta Tan dan Teo (2000). Hubungan yang signifikan antara sikap dan kepatuhan zakat gaji pula dapat dilihat dalam kajian Kamil & Ahmad Madzhan (2001), Zainol (2008) dan Zainol & Kamil (2008). Tan dan Teo (2000) mengatakan bahawa jika sikap individu dalam penerimaan sesuatu teknologi adalah positif, maka individu berkenaan akan membentuk niat bagi melaksanakan perlakuan tersebut. Peranan sikap yang membawa kepada pembentukan niat untuk melaksanakan sesuatu perkara dapat dilihat di dalam kajian ini menerusi penerimaan positif pengguna Takaful akan pelaksanaan Zakat Takaful yang seterusnya membawa kepada kesediaan mereka untuk membayarnya.

Ajzen (2005) mengatakan norma subjektif adalah merujuk kepada persepsi individu terhadap individu yang lain yang dianggap penting bagi dirinya berkaitan dengan sesuatu gelagat. Pandangan atau pendapat orang lain dikatakan mampu mendorong gelagat seseorang. Sekiranya persepsi atau pandangan individu lain terhadap sesuatu gelagat adalah positif, ia akan menjadi dorongan positif bagi seseorang untuk melakukan gelagat tersebut. Begitu juga jika sebaliknya yang berlaku. Bobek dan Hartfield (2003) mengatakan bahawa terdapat hubungan positif antara norma subjektif dan niat membayar cukai. Kajian (Ram et. al, 2010) mengaitkan perkara ini dengan gelagat kepatuhan zakat perniagaan di mana norma subjektif dijangka mempunyai

pengaruh akan niat gelagat peniaga untuk membayar zakat kerana persepsi kumpulan sosial yang penting bagi seseorang seperti ibu bapa, rakan-rakan, suami atau isteri akan memainkan peranan dalam mempengaruhi niat mereka bagi membayar zakat. Persepsi yang positif akan lagi menguatkan niat mereka melaksanakan perkara tersebut manakala persepsi negatif akan menyebabkan perkara sebaliknya berlaku. Turut sama konsisten dengan dapatan (Ram et al. 2010), adalah kajian Zainol (2008) berkaitan zakat gaji. Ini dapat dikaitkan juga dengan kajian Zakat Takaful ini dimana persepsi kumpulan sosial mampu mempengaruhi gelagat kepatuhan Zakat Takaful kerana persepsi yang positif akan menguatkan lagi niat dan kesediaan mereka untuk membayar Zakat Takaful. Namun begitu, Ajzen dan Driver (1992) mengatakan bahawa kejayaan seseorang dalam melaksanakan sesuatu gelagat tidak hanya bergantung kepada kehendak atau niat seseorang sahaja. Akan tetapi turut dipengaruhi oleh faktor-faktor bukan motivasi yang lain seperti kewujudan peluang dan sumber yakni seperti kewangan, pengetahuan dan masa. Dalam konteks pengetahuan, (Ram et. al, 2010) mengatakan pengetahuan berkaitan kaedah taksiran zakat perniagaan agak rumit untuk ditentukan. Bagi peniaga yang mempunyai pengetahuan akan perkara ini akan mempunyai persepsi yang memudahkannya untuk membayar zakat berbanding dengan peniaga yang kurang pengetahuan mengenainya. Pengetahuan yang rendah dikalangan pengguna Takaful akan Zakat Takaful dilihat mampu menyumbang kepada persepsi yang menyukarkan mereka untuk melaksanakan kewajipan membayar Zakat Takaful. Oleh itu, penerimaan haruslah seiring dengan pengetahuan kerana kedua-duanya dilihat memainkan peranan yang penting bagi mencapai keberkesanan pelaksanaan Zakat Takaful ini.

Berdasarkan Jadual 4, Jadual 5 dan Jadual 6, hasil yang hampir sama dapat dilihat di antara pengetahuan pengguna dan agen Takaful. Tingkat pengetahuan agen juga adalah pada tahap yang rendah yakni tidak mengetahui akan pelaksanaan Zakat Takaful yang dilaksanakan oleh LZS dengan jelas. Seperti yang dijelaskan di atas, penerimaan haruslah seiring dengan pengetahuan. Selain peranan pihak pelaksana untuk menyampaikan pengetahuan akan Zakat Takaful ini, pihak-pihak berkaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung dilihat juga memainkan peranan penting bagi membantu pelaksanaan ini. Kajian Ujang (2014) mengatakan bahawa para pemasar perlu memahami ragam atau perilaku konsumen seperti mengetahui dan memahami mengapa dan bagaimana seseorang konsumen membuat keputusan untuk menggunakan sesuatu barang/perkhidmatan. Pemasar atau penjual yang mengetahui akan perilaku konsumen dapat menjangkakan kecenderungan konsumen respon akan informasi yang diterima sekaligus memudahkan pemasar untuk menyusun strategi pemasaran yang sesuai. Apabila pemasar sudah memahami perilaku konsumen, pemasar secara tidak langsung dapat mempengaruhi perilaku konsumen tersebut sehingga sesuai dengan apa yang pemasar inginkan. Mempengaruhi perilaku konsumen adalah bermaksud mempengaruhi pilihan mereka agar mereka memilih produk tertentu yang ditawarkan oleh pemasar. Dalam konteks Takaful, agen yang mengetahui akan perilaku konsumen dapat mempengaruhi perilaku konsumen tersebut untuk menerima apa yang mereka tawarkan yakni produk-produk Takaful.

Selain itu, pengguna yang menggunakan sesuatu barang atau perkhidmatan pastinya ingin memaksimumkan kepuasannya. Menerusi kajian Diana (2013), menjelaskan bahawa antara faktor yang mempengaruhi kepuasan adalah keperluan dan keinginan yakni perkara-perkara yang dirasai oleh pelanggan semasa mereka sedang melakukan transaksi dengan penjual atau perusahaan. Jika ketika itu pelanggan berkeinginan dan memerlukan sesuatu produk, harapan pelanggan akan kualiti produk dan juga layanan penjual atau perusahaan itu pastinya akan tinggi. Antara penentu layanan yang baik yang dikatakan dalam kajian Diana (2013) adalah tingkah laku yang sopan, cara penyampaian sesuatu perkara dengan apa yang seharusnya diketahui oleh orang yang berkait, waktu penyampaian yang tepat dan seterusnya adalah cara layanan yang ramah atau mesra

pelanggan. Ini dapat dikaitkan dengan pengguna Takaful yang saat ini mungkin memerlukan penjelasan yang lebih jelas akan perkara baru seperti kewajipan zakat terhadap produk takaful. Pengguna akan cenderung mengetahui akan perkara ini melalui saluran yang mereka rasakan berkait dan dapat memberi penjelasan yang mereka inginkan. Melihat pada nama Zakat Takaful, pasti sekali pengguna akan cenderung menanyakan perkara tersebut kepada institusi yang mereka rasakan berkaitan iaitu pihak Takaful dan juga Lembaga Zakat. Ini selari dengan dapatan kajian di mana lebih dari 90 peratus daripada jumlah responden kajian iaitu pengguna Takaful mengkehendaki agen menjelaskan akan pelaksanaan Zakat Takaful ini kepada mereka (rujuk Jadual 7). Rata-rata pengguna beranggapan Zakat Takaful melibatkan dua badan berkaitan yakni institusi zakat dan juga perusahaan Takaful. Oleh itu, agen Takaful dilihat sebagai salah satu pihak berkaitan yang mampu menyampaikan informasi dan menjelaskannya secara terus kepada pelanggan. Sebagai pemasar, sudah pastinya apa yang diinginkan oleh pelanggan/pengguna harus diambil kira dan dititikberatkan. Sekiranya agen mampu untuk memberi penjelasan (yakni dikira sebagai salah satu bentuk layanan) yang baik pada pengguna, pastinya ia memberi kepuasan yang tinggi pada pengguna seterusnya menampilkan imej agen yang baik. Strategi pemasaran melalui mulut seperti pengalaman rakan-rakan pelanggan akan kualiti produk dan layanan penjual, komunikasi melalui pemasaran dan iklan atau persepsi yang wujud dari pengiklanan dan pemasaran yang dilakukan oleh perusahaan juga mampu memberi impak akan kepuasan pelanggan. Kualiti dikatakan memberi satu dorongan dalam perhubungan pelanggan dan perusahaan. Ia sangat penting terutamanya bagi jangka masa panjang di mana kesetiaan atau *customer loyalty* dapat dicapai apabila sesuatu perusahaan itu memberikan kualiti yang memuaskan kepada pelanggannya. Melalui kefahaman akan faktor-faktor yang mempengaruhi konsumen ini, pemasar pastinya akan lebih berupaya untuk menyusun strategi yang berkesan dan komunikasi pemasaran yang lebih baik. Kesediaan agen Takaful dalam menyampai dan menghebahkan pengetahuan tentang Zakat Takaful ini dilihat bukan sahaja dapat memuaskan hati pelanggan (pengguna Takaful) dan membantu mencapai objektif pelaksanaan Zakat Takaful, akan tetapi juga memberi kesan yang baik kepada pemasar (agen Takaful) itu sendiri dan perusahaannya.

Menerusi hasil dapatan juga, dapat dilihat bahawa peratus persetujuan oleh responden dalam kesediaan membayar Zakat Takaful jika ditetapkan oleh undang-undang atau pihak berkuasa sahaja adalah tinggi. Dapatan ini menunjukkan hasil yang sama seperti di dalam kajian Hairunnizam, Mohd Ali dan Sanep (2005) dan turut sama menyokong kenyataan Aidit (1988) yang menyenaraikan 7 kumpulan pembayar zakat mengikut tahap kesedaran dan keimanan yang mana salah satunya merujuk kepada golongan yang membayar zakat hanya sekiranya ada akta atau undang-undang yang mewajibkan. Ini sekaligus menunjukkan kenyataan kajian 30 tahun yang lalu masih lagi relevan dalam memperlihatkan gelagat yang sama dalam kalangan pembayar zakat pada masa kini.

6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan, jelaslah bahawa rata-rata pengguna Takaful yang menetap dan bekerja di Shah Alam masih tidak jelas akan kewajipan zakat terhadap Takaful meskipun perbincangan akan kewajipan ini telah dibincangkan sejak tahun 2016. Sebahagian besar daripada responden belum mengetahui akan pelaksanaan Zakat Takaful mengikut fatwa terbaharu yang mula dilaksanakan oleh LZS pada September 2017. Turut dilihat adalah pengetahuan agen terhadap Zakat Takaful ini yang mana juga pada tahap yang rendah akan tetapi ketersediaan mereka untuk memainkan peranan dalam menyampaikan dan menghebahkannya kepada pengguna Takaful menunjukkan respon yang baik. Sebagai pemasar produk, sewajarnya mereka mengambil inisiatif selangkah ke hadapan dari pelanggan mereka. Mereka (agen Takaful) haruslah

lebih arif akan apa yang mereka pasarkan. Pengetahuan tentang kewajipan zakat ke atas produk yang dipasarkan (Takaful) ini bukan sahaja perlu diketahui untuk disampaikan kepada pelanggan mereka, akan tetapi turut menjadi kewajipan kepada mereka (agen Takaful) untuk mengetahuinya kerana mereka juga merupakan pengguna Takaful. Adalah wajar bagi mereka sebagai pemasar menggunakan posisi mereka untuk menyebarkan maklumat secara langsung kepada pelanggan kerana ia dianggap sebagai salah satu bentuk penyampaian yang efektif dalam pemasaran. Secara tidak langsung, ia dapat meningkatkan imej pemasar dan perusahaan yang dijalkannya. Melalui kajian ini, dapat disimpulkan bahawa pengetahuan dan penerimaan kedua-duanya sangat penting dalam mencapai objektif pelaksanaan Zakat Takaful ini. Pengetahuan oleh pengguna Takaful yang turut sama dibantu oleh agen yang memainkan peranan menyampaikan pengetahuan Zakat Takaful secara langsung dilihat mampu memberi kesan yang lebih efektif di samping gelagat/sikap yang membentuk niat pengguna Takaful untuk menerima dan membayar Zakat Takaful. Usaha ini juga dilihat sebagai salah satu medium penyebaran dakwah yang mampu memberi kesan positif yang besar dan menyeluruh kepada ummah. Ini kerana, zakat bukanlah satu pilihan, akan tetapi suatu kewajipan.

Bibliografi

Al-Quran.

Abu, Y., Mohamad, D., & Ahmad, R. (2004). *Tabap Pengetahuan Dan Sikap Belia Terhadap Dadah*. Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad, H.B. (2009). Pengurusan Harta Keluarga Mengikut Islam dan Realiti Semasa di Malaysia. *Jurnal Muamalat or Man-to-Man Relations*, 2(1), 1-16.

Ahmad, M.Z., Badrul, H.A.R., Nasser, Y. & Jamil, R. (2012). *Basic Takaful Practices Entry Level for Practitioners*, (hlm. 89). IBFIM Kuala Lumpur.

Aidit, G. (1998). *Zakat- Satu Tinjauan*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd.

Ajzen, I. & Driver, B. L. (1992). Application of the Theory of Planned Behavior to Leisure Choice. *Journal of Leisure Research*, 24, 207-224.

Ajzen, I. (2005). *Attitudes, Personality and Behavior*. 2nd edition. New York: Open University Press.

Bahril B.B., dan Wahid, R. (2010). *Kerangka Kaedah Penilaian untuk Pengiktirafan Penilaian Terdahulu (PPPT) dalam Konteks Pembelajaran Sepanjang Hayat: Transformasi Pendidikan Politeknik di Malaysia*. Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan dan latihan Teknik dan Vokasional CIE-TVTV 2011, 16-17 November 2011, Pulau Pinang.

Bobek, D. D. & Hartfield, R. C. (2003). An Investigation of the Theory of Planned Behavior and The Role of Moral Obligation in Tax Compliance. *Behavioral Research in Accounting* 15, 13-38

Diana, R. (2013). Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kepuasan Mahasiswa. *Jurnal Economia*, 9(1), 52-65.

Farah, A.A.N., Rashidah, A.R., & Normah, O. (2012). Zakat and Poverty Alleviation: Roles of Zakat Institutions in Malaysia. *International Journal of Arts and Commerce*, 1(7), 61-72.

Fuadi, S.H. (2016). *Zakat dalam Sistem Hukum Pemerintahan Aceh*. Deepublish.

Hairunnizam, W., Sanep, A., & Mohd, A.M.N. (2004). Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 1(1), 151-166.

Hairunnizam, W., Mohd, A.M.N., dan Sanep, A. (2005). Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya?. *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 12(2), 171-189.

- Hairunnizam, W., Sanep, A., & Radiah, A.K. (2009). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati? *Jurnal Syariah*, 17(1), 89-112.
- Hairunnizam, W., Sanep, A., & Radiah, A.K. (2010). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 4(1), 141-170.
- Hamka. (2019). *Tafsir Surah Yusuf dan Juzuk*, 12, 299-300 *Publisher?*
- Handel, J.D. (1978). *Introductory Statistics for Sociology*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Hanno, D. M. & Violette, G. R. (1996). An Analysis of Moral and Social Influences on Taxpayer Behavior. *Behavioral Research in Accounting* 8, 57-75.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Bahagian Pengurusan. (2016). *Kompilasi Pandangan Hukum Muazakarab Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*, 77
- Komala, D.S. (2017). Students' Reading Strategies Related to Their Reading Comprehension and English Achievement Score. *English Empower: Journal of Linguistics an Literature*, 2(01), 1-9.
- Mila, S. (2008). Pengaruh Pendayagunaan Zakat Produktif terhadap Pemberdayaan Mustahiq pada LAZ Yayasan Solo Peduli Surakarta. *La Riba Jurnal Ekonomi Islam* II(1), 165-173
- Mohd, S.M., & Radiah, A.K (2012). Perkembangan Takaful di Malaysia: Satu Kajian Undang-Undang Kewangan Islam. *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia* 24(2), 252-259.
- Mohamad, N.A.G (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia
- Mohamed, S.A.R., Arifin, M.S., Ismadi, I., Nor, G.M.N., & Mahadzir, I. (2001). *Kajian Gelagat Tabungan Isi Rumah di Negeri Melaka*.
- Ram, A.J.S., Zainol, B., Kamil, M.I., Md Hairi, M.H. (2010). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan (Factors that Influenced the Business Zakat Compliance Behaviour)*. *Jurnal Pengurusan (UKM Journal of Management)*, 30(6), 113-127
- Rusni, H., & Safinar, S. (2017). *Pematuhan Syariah Dalam Operasi Takaful Di Bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013*. *Jurnal Syariah*, 25(2), 247-266.
- Tan, M. & Teo, T. S. H. (2000). Factors Influencing the Adoption of Internet Banking. *Journal of the Association for the Information Systems*, 1, 1-42.
- Taylor, S. & Todd, P. A. (1995). Understanding Information Technology Usage: A Test of Competing Models. *Information Systems Research*, 6, 144-176.
- Ujang, S. (2014). *Model Keputusan Konsumen*. EKMA5317/Modul 1, Edisi 1.
- Ustaz Hamizul Abdul Hamid. (2013). Perlukah Zakatkan Wang Insurans Anak. *Harakahdaily* <http://arkib.harakahdaily.net/arkibharakah/index.php/arkib/berita/lama/2013/6/49731/perluhah-zakatkan-wang-insurans-anak.html> (17 Disember 2017)
- Ustaz Hamizul Abdul Hamid. (2013). Zakat Insurans dan Takaful Anak. *Utusan Online* http://ww1.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20130517/ba_05/Zakat-insurans-dan-takaful-anak#ixzz529wb6QjD (17 Disember 2017)
- Welkowitz, J. et al (1976). *Introductory Statistics for the Behavioral Science*. New York: Academic Press.
- Zainol Bidin. (2008). *Faktor-Faktor Penentu Gelagat Kepatuhan Zakat Gaji*. Tesis Ph.D tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia.
- Zainol Bidin & Kamil M. Idris. (2008). *The Role of Attitude and Subjective Norm on Intention to Comply Zakat on Employment Income*. *IkaZ International Journal of Zakat*, 1, 113-134.

- Zakat Selangor. Zakat Takaful. Retrieved from <http://www.zakatselangor.com.my/jenis-jenis-zakat/zakat-harta/zakat-takaful/> (7 November 2017)
- Zakat Selangor. Taksir Zakat. Retrieved from <http://www.zakatselangor.com.my/taksirzakat/> (15 November 2017)
- Zakat Selangor. Dalil Kewajipan Zakat. Retrieved from <http://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/> (12 Disember 2017)
- Zakat Selangor. Zakat Wang Simpanan. Retrieved from <http://www.zakatselangor.com.my/jenis-jenis-zakat/zakat-harta/zakat-wang-simpanan/>(12 Disember 2017)
- Laman Web Rasmi Majlis Bandaraya Shah Alam. About Shah Alam. Retrieved from <http://www.mbsa.gov.my/en-my/Pages/homepage.aspx> (20 Disember 2017)
- Fatwa Sistem Pengurusan Kutipan Zakat Negeri Selangor 2013: Lembaga Zakat Selangor (MAIS). Retrieved from <http://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/> (25 Disember 2017)
- Simpanan kanak-kanak lebih RM13,968 wajib zakat. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/01/525349/simpanan-kanak-kanak-lebih-rm13968-wajib-zakat> (4 Julai 2019)
- Teladani formula Nabi Yusuf tangani krisis ekonomi. Retrieved from <https://ikimfm.my/nabi-yusuf-as-mengurus-ekonomi-mesir/> (7 Julai 2019)